

PENYATA PENGERUSI

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Beraudit Lion Posim Berhad (“Kumpulan” atau “Syarikat”) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023.

PRESTASI KEWANGAN

Tahun 2023 merupakan satu tahun yang menyaksikan berlakunya pemulihan dan konsolidasi selepas beberapa tahun ketidakpastian dalam pelbagai aspek; kestabilan dan keyakinan berjaya dikembalikan semula ke dalam ekonomi Malaysia, sekaligus menandakan era ketahanan baharu.

Bagaimanapun, cabaran tetap ada berikutan ketidaktentuan keadaan pasaran akibat konflik geopolitik yang berterusan, langkah mengetatkan dasar monetari global untuk mengekang inflasi, dan lain-lain faktor ekonomi yang terus menjadi kebimbangan.

Di sebalik persekitaran operasi ini, Kumpulan mencatatkan penurunan pendapatan sebanyak 10% kepada RM755.1 juta bagi tahun kewangan dalam kajian berbanding tahun sebelumnya, terutamanya disebabkan oleh sumbangan yang berkurangan dari Bahagian Bahan Binaan. Namun begitu, Bahagian Bahan Binaan dan Bahagian Minyak Pelincir yang merupakan penyumbang utama kepada Kumpulan, berjaya mengekalkan prestasi positif mereka, meskipun margin keuntungan terjejas akibat peningkatan kos.

Dengan mengambil kira keuntungan sekali terima (one-off) sebanyak RM8.6 juta hasil daripada pembubaran satu anak syarikat dan bahagian kerugian yang lebih rendah daripada syarikat-syarikat bersekutu, Kumpulan mencatatkan keuntungan sebelum cukai yang lebih tinggi sebanyak RM16.3 juta bagi tahun dalam kajian.

PROSPEK

Meninjau prospek perniagaan bagi tahun 2024, Kumpulan mengekalkan pandangan positif terhadap momentum keseluruhan ekonomi Malaysia berdasarkan daya tahan permintaan domestik yang disokong oleh kadar inflasi dan faedah yang sederhana.

Namun begitu, Kumpulan tetap peka terhadap cabaran daripada kenaikan harga komoditi global dan konflik geopolitik yang akan menjejaskan persekitaran operasi perniagaan Kumpulan. Kumpulan akan sentiasa berwaspada, memperkukuhkan daya tahan perniagaan untuk mengurangkan potensi gangguan terhadap operasinya, sambil menumpukan kepada usaha mengoptimumkan kecekapan operasi dan membendung kos.

LEMBAGA PENGARAH

Y. Bhg. Dato’ Eow Kwan Hoong, yang merupakan ahli Lembaga Pengarah selama lebih 9 tahun dan tertakluk kepada persaraan mengikut giliran telah memaklumkan kepada Lembaga Pengarah hasrat beliau untuk menarik diri daripada dilantik semula. Sehubungan itu, persaraan beliau berkuatkuasa menjelang berakhirnya Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat akan datang ini. Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Y. Bhg. Dato’ Eow atas sumbangan beliau yang tidak ternilai kepada Kumpulan. Y. Bhg. Dato’ Eow merupakan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat, dan Pengerusi Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko serta Jawatankuasa Pencalonan, dan juga ahli Jawatankuasa Ganjaran.

PENGHARGAAN

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua pelanggan, rakan kongsi dan sekutu perniagaan, pembiayaan, pemegang saham serta pihak berkuasa kerajaan atas sokongan dan kerjasama mereka yang berterusan.

Saya ingin menzahirkan penghargaan tulus ikhlas kepada rakan-rakan Pengarah atas bimbingan, sokongan dan sumbangan mereka yang tidak ternilai.

Akhir kata, ucapan terima kasih ditujukan kepada pihak pengurusan dan warga kerja atas dedikasi dan komitmen berterusan mereka dalam menghadapi cabaran sepanjang tempoh yang sukar ini.

TAN SRI CHENG HENG JEM

Pengerusi

CHAIRMAN'S STATEMENT

On behalf of the Board of Directors ("Board"), I am pleased to present the Annual Report and Audited Financial Statements of Lion Posim Berhad ("the Group" or "the Company") for the financial year ended 31 December 2023.

FINANCIAL PERFORMANCE

Looking back at 2023, a year marked by reconciliation and consolidation following years of uncertainty in various aspects; stability and confidence have been restored in Malaysia's economy, signalling a new era of resilience.

However, challenges persist with the unpredictable market conditions due to continuing disruptions from geopolitical conflicts, global tightening of monetary policy to contain inflation, and other economic factors, which remain areas of concern.

Against the backdrop of this operating environment, the Group registered a 10% decline in revenue of RM755.1 million for the financial year under review compared with the preceding year, mainly due to the reduced contribution from the Building Materials Division. Despite the decline in revenue, the Building Materials Division and the Lubricants Division which represent the Group's main contributors, sustained their positive performance, although profit margins were impacted by rising costs.

With a one-off gain of RM8.6 million on the dissolution of a subsidiary company and a share of lower loss of associated companies, the Group recorded a higher profit before tax of RM16.3 million for the year under review.

PROSPECTS

Looking ahead to business prospects in 2024, the Group maintains a positive outlook on Malaysia's overall economic momentum with the resilience of domestic demand, supported by moderate inflation and interest rates.

Nevertheless, despite these positive factors, the Group takes cognisance of the challenges posed by rising global commodity prices and geopolitical conflicts which will affect the operating environment of the Group's businesses. The Group will remain vigilant, bolstering its business resilience to mitigate potential disruptions to its operations, and continues to focus on optimising operational efficiencies and containing costs.

BOARD OF DIRECTORS

Y. Bhg. Dato' Eow Kwan Hoong, who has served on the Board for more than 9 years and subject to retire by rotation, has informed the Board that he does not wish to seek re-election. He shall therefore retire at the conclusion of the forthcoming Annual General Meeting of the Company. On behalf of the Board, I would like to express my sincere appreciation to Y. Bhg. Dato' Eow for his invaluable contribution to the Group. Y. Bhg. Dato' Eow, an Independent Non-Executive Director of the Company, is also the Chairman of our Audit and Risk Management Committee and Nomination Committee, and a member of the Remuneration Committee.

APPRECIATION

On behalf of the Board of Directors, I wish to express my appreciation to our customers, business partners and associates, financiers, shareholders, and the Government authorities for their continuing support and cooperation.

I would like to convey my appreciation and gratitude to my fellow Directors for their invaluable guidance, support and contribution.

Last but not least, my sincere thanks go to the management and staff for their continuing hard work and dedication in coping with the challenges faced throughout these challenging times.

TAN SRI CHENG HENG JEM
Chairman

主席报告

我谨代表董事部，提呈金狮宝森有限公司（“集团”或“公司），截至2023年12月31日的常年报告和经审核财务报表。

财务表现

回顾2023年，在经历了好几年各领域处于不确定的情况之后，这一年的特点是和解与整合；马来西亚经济已恢复稳定和信心，标志着新的韧性时代。

然而，由于持续不断的地缘政治冲突、全球货币政策收紧为抑制通货膨胀以及其他经济因素延续的干扰，市场环境的变化和不可预测性仍然是令人担忧的问题。

在这种营运环境的背景下，与前年相比，本集团在本会计年度的营业额减少了10%，为7亿5,510万令吉，主要是建材组的贡献减少。尽管收入减少，但作为本集团核心的建材组和润滑油组仍保持良好的业绩，虽然利润率受到成本上升的影响。

由于注销一家子公司而带来的一次性860万令吉的盈利，以及在各家联号分担较低的亏损，本集团在本会计年度内取得更高的税前利润，共1,630万令吉。

展望

展望2024年的营业前景，基于受到国内需求的韧性支撑、适度的通货膨胀率和利率，本集团对马来西亚整体经济势头保持乐观态度。

然而，尽管存在这些正面因素，本集团也意识到全球原产品价格上涨和地缘政治冲突所带来的挑战，将影响本集团业务的运营环境。本集团将保持警惕，加强业务的韧性，以减轻可能对其运营造成的潜在干扰，并继续专注于优化运营效率和控制成本。

董事部

Y. Bhg. Dato' Eow Kwan Hoong已在董事部任职超过9年，并将轮值卸任。他已通知董事部，无意寻求连任。因此，他将在即将召开的年度股东大会后卸任。我谨代表董事部，真诚感谢Y. Bhg. Dato' Eow对本集团作出宝贵的贡献。Y. Bhg. Dato' Eow是本公司独立非执行董事，同时也是我们审核与风险管理委员会和提名委员会主席兼薪酬委员会成员。

鸣谢

我谨代表董事部向我们的客户、商业伙伴和联号、金融机构、股东以及政府机构表示感谢，感谢他们一直以来的支持与合作。

我也要感谢董事们给予宝贵的指导、支持和贡献。

最后，我衷心感谢管理层和职员们，在这段充满挑战的时期，仍努力不懈为本集团作出贡献。

主席
丹斯里锺廷森